

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2001/2002

Februari/Mac 2002

HGM 131 – Geografi Manusia

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **LAPAN [8]** soalan di dalam **TIGA [3]** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT [4]** soalan. **DUA [2]** dari **Bahagian A** dan **DUA [2]** dari **Bahagian B**.

BAHAGIAN A

1. Bincangkan pendekatan dan metodologi Geografi Manusia sebelum Perang Dunia Kedua sehingga kini.
[25 markah]
2. [a] Huraikan maksud:
 - [i] nasionalisme sivik [5 markah]
 - [ii] nasionalisme etnik [5 markah]
- [b] Ideologi teritori (wilayah) terbit daripada hubungan sekumpulan manusia dengan sebidang tanah tempat tinggalnya. Bincangkan proses-proses dalaman yang membentuk ideologi teritori individu atau komuniti.
[15 markah]

3. [a] Huraikan geografi sosial, geografi budaya dan geografi imaginatif.
[10 markah]
- [b] Merujuk kepada satu pandang darat tertentu, huraikan hubungan sosial yang wujud di antara dua kelas sosial berbeza akibat perbezaan idea, sikap dan imej terhadap pandang darat tersebut .
[15 markah]
4. [a] Bincangkan tempat awam dan tempat persendirian mengikut ideologi budaya anda mengenai tempat dan gender.
[15 markah]
- [b] Huraikan bagaimana 'sempadan' kedua-dua tempat ini sebenarnya bertindan.
[10 markah]

BAHAGIAN B

5. [a] Nyatakan prinsip-prinsip asas model Von Thunen dan model Weber.
[10 markah]
- [b] Bincangkan kerelevanan kedua-dua model tersebut dalam memahami perilaku keruangan aktiviti ekonomi manusia.
[15 markah]
6. [a] Nyatakan prinsip-prinsip asas model 'Pelbagai Pusat Ullman'.
[10 markah]
- [b] Bincangkan kerelevanannya dalam memahami gunatanah bandar masa kini.
[15 markah]

7. [a] Nyatakan **LIMA [5]** isu alam sekitar pada masa kini. [5 markah]
- [b] Bincangkan cara dan kaedah bagaimana kesedaran alam sekitar di kalangan penduduk dapat dipupuk. [20 markah]
8. [a] Nyatakan **LIMA [5]** sebab utama wujudnya ketidakseimbangan dalam ruang. [10 markah]
- [b] Merujuk kepada kawasan tempat tinggal anda, bincangkan isu pembangunan yang anda rasakan relevan. [15 markah]